

Penterjemahan Idiom Arab-Melayu Melalui *Google Translate*: Apakah yang Perlu Dilakukan?

Enid Zureen Zainal Abidin^a

enid@usm.my

Universiti Sains Malaysia

Nik Farhan Mustapha^b

farhan@upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

Normaliza Abd. Rahim

nliza@upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

Syed Nurulakla Syed Abdullah

syedakla@upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Ungkapan idiom Arab sebagai bahasa figuratif yang berbeza daripada makna denotasinya perlu diterjemahkan dengan kaedah yang sesuai. Penggunaannya secara meluas dalam bahasa seharian termasuk dalam akhbar dan media sosial menjadi cabaran besar kepada pengguna Melayu yang menggunakan *Google Translate* (GT) untuk menterjemahkannya dan mereka perlu tahu teknik untuk menggunakannya secara optimum. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menganalisis dan membandingkan hasil penterjemahan ungkapan idiom Arab-Melayu antara GT dengan terjemahan kamus menurut kaedah penterjemahan idiom dan merumuskan teknik terbaik penterjemahan idiom Arab-Melayu menggunakan *Google Translate*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis teks. Data diambil daripada 35 idiom yang terdapat dalam Kamus Kontrastif Ungkapan idiom (KKUI) Arab-Arab dan Kamus Frasa Idiomatik dan Ertinya (KFIAD) Arab-Melayu serta digunakan dalam korpus akhbar *Al-Ghad(02) Jordan* dalam *ArabiCorpus*. Sejumlah 105 data diterjemahkan menggunakan GT dan seterusnya analisis dilakukan ke atas hasil terjemahan secara rinci melalui perbandingan dengan KFIAD. Dapatan kajian menunjukkan kualiti terjemahan GT adalah lebih baik apabila ungkapan idiom diterjemahkan bersama konteks ayat berbanding dengan terjemahannya di luar konteks ayat. Di sebalik kelemahan utama GT yang menterjemah secara harfiah, GT mampu menghasilkan terjemahan idiom yang baik dalam ragam ayat yang berbeza. Analisis juga mendapati empat kaedah penterjemahan idiom juga telah dikesan berdasarkan adaptasi kaedah penterjemahan metafora Newmark (1988). Kaedah paling banyak ialah “menukarkan idiom kepada pengertian” oleh kedua-dua KFIAD dan GT. Kaedah fleksi juga didapati menjadi kelebihan pada terjemahan KFIAD berbanding dengan GT namun, GT boleh ditingkatkan ketepatannya sehingga 5.7% dengan memanipulasi data terjemahannya. Teknik terbaik penterjemahan idiom Arab-Melayu menggunakan GT telah dicadangkan.

Kata kunci: *Google Translate*; terjemahan idiom Arab-Melayu; terjemahan Arab-Melayu; kaedah terjemahan idiom

^a Pengarang utama

^b Pengarang koresponden

Translation of Idioms from Arabic into Malay via Google Translate: What Needs to Be Done?

ABSTRACT

Arabic idiomatic expressions, a type of figurative language which is different from its denotative meaning, need to be translated using suitable methods. Its wide use in everyday language including the newspapers and social media, poses a major challenge for Malay readers who use Google Translate (GT) tool to translate as they need to know how to use the tool optimally. Hence, the objectives of this study are to analyse and compare the translation results of Arabic-Malay idiomatic expressions of GT and dictionary translations according to idiomatic translation methods; and to summarise the Arabic-Malay idiomatic translation techniques using GT. This study applies the qualitative method through text analysis. Data were extracted from 35 idioms found in the Arabic-Arabic Contrastive Idiomatic Expressions Dictionary (KKUI) and Malay-Malay *Kamus Frasa Idiomatik dan Ertinya* (KFIAD) which are being used in the *Al-Ghad (02)* Jordan in the ArabiCorpus. A total of 105 data were translated using GT, and subsequently, detailed analysis was made on the translation results through comparison with the Malay-Malay KFIAD. The findings showed that the quality of GT translation is better when an idiomatic expression is translated within the sentence context, compared to being translated outside the sentence context. On the contrary to the main weakness of GT which translates literally, GT is able to produce good idiomatic translations in different sentences. The analysis also found that four methods for translating idioms have also been identified based on the adaptation of the Newmark (1988) Metaphorical Translation method. The most common method used by both the Malay-Malay KFIAD and GT is 'changing idioms into meanings'. In addition, the flexi method is also found to be advantageous in the translation of idioms by the Malay-Malay KFIAD compared to GT. However, accuracy of GT can be improved by 5.7% by manipulating its translation data. Suitable Arabic-Malay idiomatic translation techniques using GT are proposed.

Keywords: *Google Translate*; translation of Arabic-Malay idiom; Arabic-Malay translation; idiom translation methods

PENGENALAN

Kepesatan media sosial dan teknologi maklumat menjadikan sumber teks dalam pelbagai bahasa sebagai bahan tatapan pengguna saban waktu. Bahan-bahan yang tersebar dalam media sosial didapati dalam multibahasa bersifat global dan tidak terbatas pada mana-mana bahasa atau ruang lingkup geografi tertentu. Bahan-bahan tersebut berbentuk hantaran peribadi, pesanan ringkas, ciapan, teks, artikel, audio, atau video yang dikongsi, ditularkan, dimuat naik atau dimuat turun dari dan ke seluruh pelosok dunia, asalkan ada capaian internet. Kebanyakan media sosial ini menyediakan fungsi terjemahan automatik untuk digunakan oleh pengguna jika diperlukan. Hanya dengan satu klik, pengguna boleh mendapatkan terjemahan bahan dalam media tersebut khususnya teks bertulis ke dalam mana-mana bahasa yang diinginkan. Dengan cara ini, pengguna boleh mengetahui makna umum bahan yang diterima tanpa perlu merujuk cara tradisional untuk mendapatkan terjemahan melalui kamus bercetak. Namun, ungkapan idiom yang turut digunakan secara meluas dalam penggunaan harian menjadi cabaran bagi terjemahan automatik akibat kesamaran maknanya yang dibatasi oleh makna denotasi bagi ungkapan tersebut. Perbezaan ketara antara makna denotasi dengan makna konotasi bagi ungkapan idiom mungkin menghasilkan terjemahan yang janggal dan boleh

disalahertikan. Pengguna sepatutnya mengetahui cara mesin penterjemah (MT) berfungsi dengan mengetahui kekuatan dan kelemahannya agar dapat digunakan sebaik mungkin lebih-lebih lagi dalam penterjemahan ungkapan idiom. Oleh itu, objektif kajian ini ialah menganalisis dan membandingkan hasil penterjemahan ungkapan idiom Arab-Melayu antara *Google Translate* (GT) dengan terjemahan kamus menurut kaedah penterjemahan idiom dan merumuskan teknik terbaik penterjemahan idiom Arab-Melayu menggunakan GT.

IDIOM DAN GOOGLE TRANSLATE (GT)

Kebergantungan pada mesin dan teknologi pada zaman moden ini menyebabkan pengguna mencari jalan pantas untuk menterjemahkan pelbagai jenis teks tanpa mengambil kira sama ada teks tersebut mengandungi bahasa kiasan seperti idiom di dalamnya atau tidak, sedangkan idiom mempunyai maksud tersendiri dan tidak boleh diterjemahkan secara harfiah (Abdullah Hassan & Ainon Mohd., 2011; Hawkes, 1972).

Selain itu, pasangan bahasa yang digunakan juga memainkan peranan dalam menentukan kualiti terjemahan kerana kemajuan yang dicapai dalam terjemahan bahasa-bahasa Eropah contohnya, jauh lebih terkehadapan berbanding dengan bahasa-bahasa Asia (Khoong et al., 2019; Patil & Davies, 2014). Demikian juga bagi pasangan bahasa Arab-Melayu yang masih berada pada skala kecil dan terbatas pada genre tertentu sahaja walaupun faktor agama menjadi dorongan utama kepada terjemahan teks antara kedua-dua bahasa tersebut (Idris Mansor, 2019; Azman Che Mat; 2019; Azhar Muhammad, 2008) terutamanya berkaitan dengan pengajian Islam. Tidak dapat tidak, media sosial sebagai medium penyebaran maklumat masa kini juga tidak terlepas daripada peranannya sebagai agen penghubung antara kedua-dua bahasa ini.

Ungkapan idiom Arab juga biasanya dirujuk kepada frasa hasil gabungan dua atau tiga perkataan. Ia berasal daripada peribahasa Arab atau الأَمْثَالُ. Namun, selepas digunakan secara meluas, idiom Arab tidak lagi khusus kepada peribahasa bahkan merujuk frasa biasa (Sieny et al., 1996: iii). Idiom dalam bahasa Arab dinamakan sebagai التعبير الاصطلاحي (*al-ta'bir al-istilahiy*) atau ungkapan berbentuk istilah. Contoh ungkapan idiom Arab ialah gabungan kata sendi حُرُوفُ الْجَرِّ dengan kata kerja atau kata nama seperti berikut:

- a) سَمِعَ لِي yang bermaksud *patuh* (makna literalnya ialah *mendengar kepada*);
- b) عَلَى الرَّأْسِ وَالْعَيْنِ yang bermaksud *dengan senang hati* (makna literalnya ialah *di atas kepala dan mata*); dan
- c) عَلَى قَدَمِ وَسَاقِي yang diterjemahkan *dengan rancak* (makna literalnya ialah *di atas kaki dan betis*)

Tokoh bahasa terkemuka, pendeta Za'ba (1965: 166) menyatakan bahawa “semua bahasa penuh dengan peribahasa, bidalan, dan perumpamaan, sekadarkan banyak sedikitnya dan tinggi rendah isinya mengikutlah kadar kemajuan bahasa itu dan kemajuan bangsa yang bercakap akan dia.” Idiom merupakan fenomena biasa dalam setiap bahasa yang tidak dapat dipisahkan walaupun dalam penggunaan harian. Definisi umum bagi idiom ialah gabungan perkataan yang berbeza maknanya berbanding dengan makna asal setiap perkataan (Henisz-Dostert et al., 1979). Idiom tidak sepatutnya dianggap sebagai set perkataan tetapi semua perkataan sebagai satu set atau kumpulan. Oleh sebab itu, komponen idiom hendaklah ditangani dengan cara tersendiri (Hutchins & Somers, 1992) dan tidak memadai dengan hanya merujuk kamus biasa atau menterjemahkannya secara kata demi kata.

Seperkara lagi, idiom mempunyai makna khusus yang merupakan gabungan perkataan atau frasa yang bukan daripada makna asal setiap perkataan. Idiom juga mempunyai tahap kesamaran yang tinggi kerana mempunyai makna literal yang digunakan secara meluas dan

pada masa yang sama mempunyai makna idiomatik yang tersirat (Nalluri & Kommaluri, 2011). Masalahnya ialah idiom kerap diterjemahkan seperti ungkapan biasa yang mengakibatkan maksud asalnya tersasar. Oleh itu, penterjemahan idiom merupakan satu isu besar kerana idiom sukar diterjemahkan oleh penterjemah manusia apatah lagi oleh mesin.

Selain itu, idiom tergolong dalam bahasa kiasan atau bahasa figuratif seperti juga peribahasa, perumpamaan, simpulan, pepatah, bidalan, metafora, personifikasi dan hiperbola. Bahasa kiasan ini banyak digunakan dalam bahasa Melayu dan Arab, tetapi bukan mudah untuk memadankannya dengan maksud yang sama lebih-lebih lagi dengan kewujudan jurang budaya yang besar. Walaupun bahasa Melayu menerima banyak leksikon dan istilah daripada bahasa Arab selepas bahasa Sanskrit, masih banyak yang perlu diperhalus lebih-lebih lagi apabila melibatkan frasa (Quah, 1999). Budaya masyarakat Arab dan Melayu yang berbeza pula menyebabkan tiada kaedah khusus boleh digunakan untuk menterjemahkan idiom. Oleh itu, penterjemah perlu peka dengan perbezaan antara dua bahasa (Muhammad Arsyad Abdul Majid & Ghazali Yusri Abdul Rahman, 2009). Idiom menampilkan cabaran yang besar kepada penterjemah. Penguasaan bahasa yang tinggi di samping keperluan untuk memahami aspek kebudayaan dalam kedua-dua bahasa amat diperlukan (al-Shawi & Tengku Sepora Tengku Mahadi, 2012).

Mesin penterjemah (MT) menjadi topik kajian yang meluas sama ada dalam bidang sains komputer, penterjemahan, pembelajaran bahasa, atau linguistik. Sebahagiannya dilakukan dengan membuat perbandingan atau analisis kontrasif antara MT dengan terjemahan manusia, manakala sebahagian lain membandingkan kualiti terjemahan antara MT dengan MT yang lain yang boleh diperolehi sama ada secara percuma dalam talian atau sebagai perisian berbayar. Demikian juga, banyak kajian berbentuk analisis kesilapan (*error analysis*) dilakukan untuk menilai bentuk-bentuk kesalahan yang kerap dihasilkan oleh MT. Selain itu, perbandingan juga dilakukan untuk melihat keberkesanan terjemahan MT berbanding dengan terjemahan manusia yang meliputi pelbagai genre teks di samping untuk melihat kemampuan sesebuah MT dalam menterjemah berdasarkan pasangan bahasa-bahasa tertentu.

Kemampuan MT juga boleh dinilai menggunakan kaedah penilaian automatik berdasarkan ukuran metrik seperti *Bilingual Evaluation Understudy (BLEU)* (Papineni et al., 2002), *US National Institute of Standards and Technology Word Error Rate (NIST WER)* dan *METEOR Automatic Machine Translation Evaluation System* (Kadhim et al., 2013). Namun, kajian ini hanya terbatas pada penilaian manual secara perbandingan terjemahan MT dan terjemahan kamus.

Dari aspek teknologi terjemahan, iaitu proses menterjemah dengan menggunakan mesin atau mesin penterjemah (MT), Chan (2004) mendefinisikannya sebagai “satu cabang pengajian terjemahan yang memfokuskan isu dan kemahiran berkait dengan pengkomputeran terjemahan.”

Umum sedia maklum bahawa MT digunakan untuk penterjemahan secara automatik tanpa campur tangan manusia atau penterjemah melainkan untuk membuat penyuntingan hasil terjemahan. Kini, terdapat lebih dua puluh jenis MT (Chan, 2012). Yang paling terkemuka ialah empat jenis, iaitu:

- a) Mesin Penterjemah Berasaskan Peraturan (RBMT - *Rule-based Machine Translation*)
- b) Mesin Penterjemah Statistik (SMT - *Statistical Machine Translation*)
- c) Mesin Penterjemah Berasaskan Contoh (EBMT - *Example-based Machine Translation*)
- d) Mesin Penterjemah Hibrid (HMT - *Hybrid Machine Translation*)

Dengan kepesatan kajian dan pembangunan dalam bidang ini, satu sistem MT kelima iaitu yang terbaharu telah diperkenalkan pada penghujung 2016, iaitu Mesin Penterjemah Neuro (NMT - *Neural Machine Translation*). *Google Neural Machine Translation (GNMT)*

telah meningkatkan kecerdasan buatan (*AI -Artificial Intelligence*) yang melihat terjemahan secara keseluruhan dan bukan lagi kata per kata. NMT menggunakan konteks yang lebih luas untuk menghasilkan terjemahan yang paling relevan, disesuaikan antara bahasa pertuturan dengan tatabahasa yang tepat (Quoc & Schuster, 2016). NMT mengambil kira konteks ayat dalam teks sumber dan membuat terjemahan penuh untuk ayat berkenaan serta disesuaikan dengan konteks ayat dalam teks sasaran (Doronin, 2017). Dengan cara ini maksud dalam teks asal dapat dikekalkan. Cuma, untuk pasangan bahasa Arab-Melayu, NMT ini masih belum diperkenalkan.

GT ialah laman sesawang yang dibangunkan oleh syarikat *Google Inc.* yang diasaskan pada 4 September 1998 (Shankland, 2013). GT masa ini mampu menterjemahkan padanan 103 bahasa. Edisi bahasa Arab mula diperkenalkan pada peringkat kelima pada 28 April 2006 (Och, 2006) manakala edisi bahasa Melayu diperkenalkan pada peringkat keempat belas pada 24 Ogos 2009. Menurut *CNet*, sebuah laman sesawang media sosial, syarikat *Google* telah mengumumkan pada Mei 2013 bahawa GT digunakan oleh 200 juta pengguna atau lebih satu bilion terjemahan sehari (Shankland, 2013).

Seterusnya, *Google* juga mengumumkan dalam blognya (<https://www.blog.google/products/translate/ten-years-of-google-translate/>) pada 28 April 2016 bahawa GT menterjemahkan lebih 100 bilion perkataan sehari. Bahasa yang paling banyak digunakan adalah antara bahasa Inggeris dengan Sepanyol, Arab, Rusia, Portugis dan Indonesia. Terbaharu, *Business Insider US* melaporkan, pada Julai 2018, GT mencapai penggunaan khidmat menterjemahkan 143 bilion perkataan sehari (Wolverton, 2018) sebagaimana dilaporkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif *Google*, Sundar Pichai. Tidak syak lagi. GT menjadi teraju kepada MT walaupun terdapat MT lain seperti *Bing Translator (Microsoft)* dan *Yandex Translator (Yandex)* untuk pasangan bahasa Arab-Melayu yang menyebabkan GT menjadi skop kajian ini.

SOROTAN LITERATUR

Sejak kebangkitan semula MT pada akhir 1980-an dan semakin memuncak sehingga kini, penggunaan GT sebagai MT terkemuka telah melebihi satu bilion terjemahan sehari pada tahun 2013 dan mencecah 143 bilion sehari pada Julai 2018 (Wolverton, 2018). Kajian-kajian berbeza mendapati kemampuan GT bergantung pada pasangan bahasa tertentu serta genre teks yang diterjemahkan. Teks kreatif, teks peristilahan khusus atau teks yang menggunakan bahasa kiasan seperti idiom pula tidak menunjukkan kualiti yang memuaskan apabila diterjemahkan menggunakan GT.

Walaupun demikian, terjemahan GT semakin menunjukkan peningkatan dalam pelbagai pasangan bahasa (Kadhim et al., 2013) dengan bahasa Eropah lebih terkehadapan berbanding dengan bahasa Asia (Khoong et al., 2019; Patil & Davies, 2014). Pasangan bahasa Arab dan Melayu pula menunjukkan kekurangan yang amat ketara pada kajian kualiti mesin penterjemah Arab-Melayu (Almeshrky & Mohd Juzaidin Ab Aziz, 2012) dan ramai bersetuju bahawa kualiti terjemahan mesin secara umumnya tidak memuaskan (Nurul Syafiqah Daud & Wan Rose Eliza Abdul Rahman, 2018; Lubna Abd Rahman & Arnida A Bakar, 2018; Farah Hanan Aminallah & Muhammad Fauzi Jumingan, 2012). Namun, idiom Arab yang kerap digunakan secara meluas termasuk dalam akhbar harian (Aldahesh, 2013) akan diterjemahkan secara biasa oleh pengguna awam menggunakan GT untuk mendapatkan maknanya sedangkan lazimnya kamus Arab-Melayu digunakan dalam mencari padanan makna idiom atau bentuk bahasa figuratif yang sesuai (Afandi Yusoff, 2019; Mohd Bakri Aziz@Saari, 2019).

Seperkara lagi, seperti terjemahan bahasa figuratif lain, terjemahan GT dalam pasangan Arab-Melayu juga perlu dilakukan mengikut kaedah yang betul berdasarkan jenis teks (Noor Eliza Abdul Rahman & Zulazhan Ab. Halim, 2016). Disebabkan oleh penggunaan GT yang

tinggi oleh pengguna, mereka perlu mengetahui cara penggunaan yang betul dan perlu diberi latihan agar dapat menterjemah dengan baik (Alhaisoni & Alhaysony, 2017; Jolley & Maimone, 2015) kerana terjemahan idiom juga perlu diselarikan dengan penggunaan kamus dan strategi penterjemahan (Alrishan & Smadi, 2015). Oleh sebab itu, kajian ini mengenal pasti bentuk terjemahan ungkapan idiom Arab-Melayu melalui *Google Translate* di sebalik perkembangan pesat dalam teknologi penterjemahan automatik dan mencadangkan langkah yang perlu diambil oleh pengguna GT Arab-Melayu untuk menghasilkan terjemahan idiom yang terbaik daripada pangkalan data GT.

Penterjemah yang berpengalaman juga berkeupayaan untuk menerapkan strategi yang berbeza sebagaimana dapat dilihat dalam penterjemahan idiom berbentuk peribahasa Cina oleh Goh dan Boh (2014). Mereka mengkaji strategi penterjemahan *Chengyu*, iaitu subkategori peribahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dalam novel *Jia* karya sasterawan negara China, Ba Jin. Teori yang dipilih ialah daripada definisi penterjemahan Larson (1984) dan pengkategorian *chengyu* oleh Wu Zhan Kun dan Wang Qin serta strategi penterjemahan *chengyu* oleh Chen Wen Bo. Kajian mereka mendapati terjemahan *chenyu* bersifat rencam dengan menggunakan strategi yang pelbagai seperti strategi terjemahan lambang, terjemahan makna, terjemahan separa, pengguguran, terjemahan pragmatik dan terjemahan literal di samping dua strategi tambahan yang juga boleh dimanfaatkan, iaitu strategi terjemahan serangkai yang melibatkan gabungan mana-mana dua strategi dan strategi padanan sejadi.

Pada masa yang sama, untuk kajian tentang MT yang lebih menyeluruh, Chakrawarti, Mishra, dan Bansal (2017) telah mengkaji beberapa pendekatan, jenis dan sistem MT dalam penterjemahan idiom Hindi ke bahasa Inggeris. Mereka menyimpulkan bahawa masalah yang dihadapi dalam penterjemahan idiom menggunakan MT ialah pada struktur ayat, pendekatan terjemahan yang digunakan dalam setiap MT, kesamaran akibat persamaan makna perkataan, idiom pada tahap frasa atau tahap perkataan, kebudayaan, dan kata nama khas. Kajian mereka juga menghuraikan manfaat kegunaan MT seperti kesesuaiannya untuk menterjemahkan teks yang besar, peristilahan yang konsisten, meningkatkan kepantasan dan hasil terjemahan lebih banyak. MT juga membantu mengurangkan kos, mengatasi faktor kelemahan manusia seperti kebosanan apabila menterjemah teks yang banyak atau yang berulang-ulang sekaligus mengurangkan kualiti terjemahan, dan penggunaan MT sebagai alat bantu mengajar. Tiada satu MT pun didapati mempunyai kelebihan sepenuhnya tetapi setiap satu mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing.

Namun, Jolley dan Maimone (2015) yang mendapati kesan positif penggunaan GT oleh pelajar mereka mencadangkan penggunaan GT dengan menerapkan latihan yang sistematik untuk meningkatkan penggunaan GT. Pengguna juga perlu tahu MT yang sesuai digunakan dengan jenis teks yang ingin diterjemahkan untuk mengoptimumkan keberkesanan terjemahan.

Kajian-kajian yang dinyatakan di atas menunjukkan wujudnya permasalahan yang boleh dikaji, iaitu kemampuan sebenar GT untuk menterjemahkan ungkapan idiom Arab yang banyak digunakan dalam teks bukan keagamaan mahupun teks keagamaan ke dalam bahasa Melayu serta teknik terjemahan terbaik yang boleh dihasilkan apabila perbandingan dibuat dengan terjemahan kamus. Dengan mengetahui keupayaan sebenar GT dalam menterjemahkan idiom Arab-Melayu setelah dibandingkan dengan terjemahan kamus, pengguna boleh memanfaatkan kemajuan teknologi ini sama ada pada peringkat prasuntingan atau pascasuntingan.

METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan penerapan kaedah analisis teks ke atas terjemahan yang dihasilkan oleh mesin penterjemah GT. Korpus dalam kajian ini merujuk korpus ekabahasa Arab, iaitu *ArabiCorpus*, korpus pelbagai bahasa GT, korpus dwibahasa Kamus Frasa

Idiomatik Arab dan Ertinya (KFIADE) Arab-Melayu (Muhammad Bukhari Lubis et al., 2007). dan korpus ekabahasa Kamus Kontekstual (KKUI) Arab-Arab (Sieny et al., 1996). Bagi rujukan terjemahan umum Arab-Melayu, korpus Kamus Besar Arab-Melayu Dewan Cetakan Ketiga (KBAMD) digunakan di samping Kamus Dewan Edisi Keempat untuk rujukan makna bahasa Melayu-Melayu serta Kamus Peribahasa (Abdul Aziz Abdul Rahman, 2012).

GT dipilih kerana ia merupakan antara mesin percuma terbaik dalam talian yang mempunyai pasangan bahasa Arab dan bahasa Melayu selain *Bing Translator* dan *Yandex* (Mohamad Nor Amin Samsun Baharun & Naimah Abdullah (2011)). Sebuah syarikat yang menyediakan aplikasi penterjemahan Arab iaitu *Arabic Translator* menggabungkan ketiga-tiga enjin carian ini dalam *AppStore* dan hal ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga MT ini adalah tiga enjin carian Arab-Melayu yang paling popular dan banyak digunakan (<https://appadvice.com/app/translator-for-arabic-yandex-binggoogle/1217384296>). Namun, GT ialah mesin yang paling popular yang mempunyai kemampuan menterjemah yang tinggi serta sering digunakan oleh pengguna.

Di samping itu, kajian ini juga terbatas pada ungkapan idiom Arab terpilih yang terdapat dalam Kamus Kontekstual Ungkapan Idiomatik (KKUI) Arab-Arab (Sieny et al., 1996) dan terjemahannya ditemukan dalam kamus Frasa Idiomatik Arab dan Ertinya (KFIADE) Arab-Melayu (Muhammad Bukhari Lubis et al., 2007) serta digunakan dalam akhbar *al-Ghad(02)* daripada Jordan dalam *ArabiCorpus*.

Kamus KFIADE yang dipilih pula merupakan rujukan utama pengkaji terjemahan idiom Arab-Melayu lain seperti Farah Hanan Aminallah dan Muhammad Fauzi Jumingan (2012) dan Farah Hannan Aminallah (2013) dalam kajian mereka tentang terjemahan kolokasi Arab-Melayu berbanding dengan terjemahan GT. Mereka berpendapat bahawa KFIADE memberi padanan kata yang tepat bagi idiom Arab-Melayu dan amat sesuai untuk rujukan penterjemah. Keistimewaan KFIADE walaupun sebagai kamus frasa idiomatik, ia turut memberikan maksud denotasi kepada setiap idiom di samping maksud idiom tersebut agar pengguna dapat membandingkan maksud asal dengan maksud idiomatiknya. Frasa dalam KFIADE diambil daripada sumber asal yang utama, iaitu daripada *Arabic-English Dictionary of the Modern Literary Language*, yang disusun oleh Ma'an Zalfu Madinah (1997) hasil terjemahan gabungan idiom Arab klasik dan kontemporari. Kamus ini juga menjadi rujukan bermanfaat kepada ahli bahasa (Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad et al., 2015).

Kamus KKUI pula menjadi sumber data utama dalam kajian ini kerana ia memuatkan idiom Arab klasik dan kontemporari termasuk idiom yang terhasil daripada percampuran budaya dengan bahasa asing lain sehingga penggunaannya menjadi sebatian dalam budaya Arab dalam pelbagai bidang bahasa, sosial, ekonomi dan lain-lain. Setiap idiom diberi makna dan penerangan ringkas, diikuti oleh contoh ayat untuk menunjukkan penggunaannya mengikut konteks.

Kajian ini menggunakan data korpus daripada akhbar *al-Ghad(02)* dari Jordan dalam *ArabiCorpus* kerana ia merupakan akhbar yang paling terkini dalam AC, iaitu antara tahun 2010-2011 dan mempunyai jumlah data korpus kedua terbesar iaitu sebanyak lebih 19.6 juta data. Data terbesar adalah daripada akhbar *al-Hayat* dari London berjumlah lebih 21.6 juta data tetapi menggunakan data yang agak lama, iaitu tahun 1996. Akhbar *al-Masri al-Yawm* dari Mesir juga agak terkini (tahun 2010), namun datanya hanya 13.9 juta data (<http://arabicorpus.byu.edu/search.php>).

Idiom dalam korpus akhbar Arab dipilih kerana ia menggunakan bahasa Arab standard atau اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ الْفُصْحَى. Penggunaan data daripada akhbar adalah paling tepat untuk menggambarkan penggunaan sebenar bahasa Arab (Ryding, 2005) terutamanya ungkapan idiom bagi membuat perbandingan dalam penterjemahan. Idiom mudah ditemukan kerana sifat bahasa Arab itu sendiri yang banyak menggunakan idiom termasuk dalam bahasa kegunaan harian.

Tempoh carian hasil terjemahan dalam GT adalah antara bulan Oktober 2019 hingga Disember 2019 kerana terdapat perbezaan hasil terjemahan bagi idiom yang sama apabila diterjemahkan melalui GT pada dua tempoh masa yang berlainan, terutamanya jika selang masa adalah agak lama.

Kajian ini juga memfokuskan perbandingan hasil terjemahan idiom oleh GT dan KFIADe berdasarkan kaedah penterjemahan idiom yang diadaptasikan daripada kaedah penterjemahan metafora oleh Newmark (1988). Bojović (2014) mendapati pembahagian metafora mengikut kategori Newmark ini memudahkan proses menganalisis metafora kerana ia amat praktikal apabila definisi setiap kategori metafora dikenal pasti.

Oliynyk (2014) pula menerapkan kaedah Newmark sebagai jalan terbaik untuk menterjemah iaitu dengan membuat pilihan bergantung kepada jenis teks yang ingin diterjemahkan, bilangan metafora individu yang digunakan oleh penulis, dan pendekatan penterjemah untuk menggunakan bahasa figuratif dalam bahasa sasaran atau tidak. Hal ini disebabkan oleh pembahagian kaedah menterjemah yang lebih rinci yang dicadangkan oleh Newmark mengikut turutan bergantung kepada jenis metafora antara kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran berbanding dengan kaedah yang dicadangkan oleh sarjana-sarjana lain seperti Nida dan Taber (1969), Larson (1984), dan Baker (1992).

Kaedah menterjemah juga dikenali sebagai strategi menterjemah. Kamus Dewan (2010: hlm. 1525) mendefinisikan strategi sebagai pengetahuan tentang cara untuk mengatur perancangan yang tersusun di samping mengambil kira pelbagai faktor bertujuan mencapai matlamat hasil daripada pelaksanaan yang dilakukan. Menurut Newmark metafora boleh diterjemahkan tetapi terdapat batasan linguistik dan kebudayaan antara kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran (Newmark, 1988, hlm. 58).

Kronologi perkembangan strategi penterjemahan metafora dan idiom bermula dengan Nida dan Taber (1969) yang pertama mencadangkan tiga kaedah umum untuk menterjemahkan idiom, iaitu: i) menukarkan idiom kepada bukan idiom apabila tiada idiom yang sama seperti dalam bahasa sumber atau jika penterjemah lebih mementingkan pemindahan isi teks dan bukannya bentuk perkataan; ii) menukarkan idiom kepada idiom apabila penterjemahan idiom bahasa sumber menjadi sasaran atau apabila terdapat idiom yang sama makna dalam bahasa sasaran; atau iii) menukarkan bukan idiom kepada idiom apabila objektif penterjemah menjadikan bahasa sasaran lebih hidup dan segar, agar teks terjemahan lebih sempurna dan bererti kepada pembaca sasaran.

Sementara Larson (1984, hlm. 276) pula, menambah perincian kaedah penterjemahan metafora menjadi lima cara dengan mengekalkan dua kaedah yang diperkenalkan oleh Nida dan Taber (1969), iaitu kaedah menggantikan metafora dengan metafora yang sama makna dalam bahasa sasaran dan kaedah menukarkan metafora kepada frasa untuk menerangkan makna. Tiga kaedah baharu yang diperkenalkan pula ialah: i) mengekalkan metafora seperti bentuk asalnya dalam bahasa sumber; ii) menukarkan metafora kepada bentuk perumpamaan, dengan menambah perkataan "*seperti, umpama*" dan sebagainya; atau iii) metafora diterangkan dalam bahasa biasa tanpa mengekalkan bentuk metaforanya. Dengan cara ini, penterjemah mempunyai lebih pilihan untuk memberikan terjemahan yang terbaik bagi metafora yang ingin diterjemahkan.

Kemuncaknya, Newmark (1988, hlm. 88-91) mencadangkan tujuh strategi dalam penterjemahan metafora mengikut urutan keutamaan, dengan mengekalkan empat strategi asal dan menambahkan tiga strategi baharu, iaitu:

a) Menterjemahkan metafora kepada perbandingan campur maksud.

Strategi ini menggabungkan terjemahan komunikatif dengan terjemahan semantik untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca sasaran sekiranya dirasakan terdapat kemungkinan pemindahan langsung metafora itu tidak dapat difahami oleh kebanyakan

pembaca. Maka metafora tersebut digabungkan dengan perbandingan dalam memberi penerangan tentang maksudnya agar lebih difahami.

b) Menggugurkan metafora.

Strategi ini pula digunakan dengan tidak menterjemahkan langsung metafora yang terdapat pada teks asal apabila metafora itu bersifat lewah atau membazir dan perlu digugurkan bersama-sama komponen pengertiannya. Syaratnya, teks bahasa sumber itu tidak bersifat pengumuman atau penyampaian maklumat.

c) Menggabungkan metafora dengan pengertiannya.

Strategi ini digunakan oleh penterjemah yang ingin memindahkan imej dengan memastikan metafora itu difahami dengan memberikan penjelasan bagi metafora tersebut. Dengan cara ini, bentuk metafora dalam bahasa sumber masih dikekalkan tetapi dapat difahami melalui penerangan maknanya yang disertakan bersama.

Namun sebaliknya, Baker (1992) hanya menyenaraikan empat strategi utama untuk menterjemahkan idiom dengan menggugurkan kaedah menukarkan idiom kepada bentuk perumpamaan oleh Larson dan kaedah menukarkan metafora kepada perbandingan atau simile oleh Newmark. Selain itu, dua kaedah Newmark yang lain turut digugurkan, iaitu kaedah penterjemahan metafora kepada perbandingan campur maksud dan kaedah menggabungkan metafora dengan pengertiannya.

1) Menghasilkan semula imej yang sama ke dalam bahasa sasaran.
2) Menggantikan idiom dengan bentuk idiom yang lain.
3) Menterjemahkan idiom dengan perbandingan (simile).
4) Menterjemahkan idiom kepada perbandingan campur maksud.
5) Menukar idiom kepada pengertian.
6) Menggugurkan idiom.
7) Menggabungkan idiom dengan pengertiannya.

RAJAH 1. Adaptasi kaedah menterjemah idiom oleh Newmark (1988)

Rajah 1 di atas menunjukkan tujuh kaedah yang disarankan oleh Newmark yang diaplikasikan dalam kajian ini. Analisis dilakukan dengan membandingkan antara terjemahan KFIADe dengan GT dalam menterjemahkan idiom Arab-Melayu berdasarkan perinciannya yang lebih mendalam berbanding dengan kaedah sarjana-sarjana terjemahan lain.

Aspek yang dikaji pula adalah tentang ketepatan terjemahan teks Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu menggunakan GT. Kajian ini memfokuskan aspek leksis yang melibatkan ketepatan pemilihan perkataan dan aspek semantik, iaitu penggunaan perkataan mengikut makna yang tepat. Hal ini berlaku demikian kerana terjemahan idiom berkait rapat dengan pemilihan makna perkataan yang boleh disalahertikan sekiranya diterjemahkan sebagai perkataan biasa dan tidak mengikut konteks ayat.

DATA

Pemilihan data ungkapan idiom daripada ketiga-tiga korpus dilakukan mengikut prosedur persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Prosedur ini merujuk pemilihan sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai data kajian (Chua, 2011: 226).

Terdapat 2040 kata masukan idiom dalam KKUI, 1592 kata masukan dalam KFIADÉ, dan akhbar *al-Ghad(02)* dalam *ArabiCorpus* (AC) mempunyai jumlah data korpus akhbar kedua terbesar, iaitu sebanyak lebih 19.6 juta data. Ungkapan idiom dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan kriteria-kriteria yang berikut:

- Mengandungi makna umum dan mudah difahami dalam penggunaan biasa. Contohnya: idiom *يَقْلَمُ* (*ditulis oleh*), *حُبُّ الدَّاتِ* (*mementingkan diri sendiri*), *خَطَرَ بِبَالِهِ* (*terlintas di fikirannya*), dan *يَدُهُ طَوِيلَةٌ* (*panjang tangan*);
- Mempunyai kaitan dengan budaya Melayu. Contohnya: idiom *جَرَى عَلَى كَلِّ لِسَانٍ* (*menjadi buah mulut*), *صِفْرُ التَّيْدِينِ* (*tangan kosong*), *فِي لَمَحِ الْبَصْرِ* (*dalam sekelip mata*) dan *يَضْطَادُ فِي الْمَاءِ الْعَكْرِ* (*menangguh di air keruh*);
- Mempunyai padanan dengan terjemahan bahasa Melayu dalam KFIADÉ agar terjemahannya dapat dibandingkan dengan terjemahan GT;
- Terdapat penggunaannya dalam akhbar *al-Ghad(02)*, Jordan dalam *ArabiCorpus* yang menunjukkan penggunaan idiom yang sebenar.

Dalam membuat carian, sedikit ubah suai telah dilakukan apabila ungkapan yang disasarkan tidak diperoleh. Antara langkah yang diambil termasuklah:

- Menukarkan carian daripada *الْمَاضِي* (kata kerja kala lampau) kepada *الْمُضَارِعُ* (kata kerja kala kini) jika tiada hasil carian. Contohnya, *جَرَى عَلَى كَلِّ لِسَانٍ* ditukar kepada *يَجْرِي عَلَى كَلِّ لِسَانٍ* dan *دَعَا عَلَى* kepada *يَدْعُو عَلَى*.
- Mengambil kata masukan idiom daripada KKUI jika kata masukan KFIADÉ tidak ditemukan dalam AC, seperti *سَقَطَ الرَّأْسُ فِي* daripada KFIADÉ ditukar kepada *مَسَقَطُ رَأْسٍ* daripada KKUI.
- Menukarkan susunan perkataan seperti *أَكَلَ عَلَيْهِ الدَّهْرُ وَشَرِبَ* yang hanya mempunyai satu hasil carian tetapi *أَكَلَ الدَّهْرُ عَلَيْهِ وَشَرِبَ* mempunyai 11 hasil carian.
- Menerima bentuk lain yang berdekatan, contohnya *أَخَذَ بِيَدِ* dalam bentuk kata kerja kala lampau, turut menggunakan idiom *الْأَخْذُ بِبِيَدِهِ* dan *سَتَأْخُذُهُ بِبِيَدِهِ* dalam bentuk kata nama terbitan dan kata kerja kala kini kerana berasal daripada kata akar yang sama.

Apabila semua kriteria dipenuhi dan prosedur pemilihan data diikuti, sebanyak 35 idiom berjaya dikumpulkan. Lampiran 1 menyenaraikan kesemua 35 ungkapan yang terdapat dalam KKUI dan KFIADÉ, serta penggunaannya yang ditemukan dalam pangkalan data akhbar *al-Ghad(02)* daripada Jordan dalam AC. Teks-teks yang diperoleh daripada AC meliputi artikel dalam segmen politik, agama, sukan, ekonomi, dan sosial dalam akhbar *al-Ghad(02)*. Jumlah keseluruhan teks ialah 105 teks dengan setiap teks diberi kod tersendiri.

Setiap teks yang mengandungi idiom dikodkan. Contohnya, teks “14c” bermaksud idiom ke-14, iaitu *شَيْئًا فَشَيْئًا* dan “c” bermaksud teks ketiga, iaitu teks: *والراهن ان بوش بدأ يفقد هيبتة*: *شَيْئًا فَشَيْئًا*. Idiom yang dikehendaki digariskan dengan jelas.

Jumlah hasil carian paling sedikit untuk setiap idiom ialah satu teks, contohnya *خُطْوَةٌ* *يَجْرِي عَلَى كَلِّ لِسَانٍ*, *فَخُطْوَةٌ*, dan *يَضْطَادُ فِي الْمَاءِ الْعَكْرِ* diikuti oleh *يَدُهُ طَوِيلَةٌ* dan *دَعَا عَلَى* dengan dua teks. Manakala bilangan terbanyak ialah 2607 teks, iaitu ungkapan *عَلَى حِسَابِ* diikuti oleh *بِغَضِّ النَّظَرِ* *عَلَى حِسَابِ* sebanyak 1070 dan *عَلَى مَدَارِ السَّاعَةِ* sebanyak 203 teks.

Bilangan teks yang diambil untuk diterjemahkan adalah antara satu hingga lima teks bergantung pada kepelbagaian yang diperoleh daripada hasil carian dalam AC. Teks ini kemudiannya diproses melalui GT sehingga tiada lagi perbezaan hasil terjemahan atau terjemahan menunjukkan tahap tepu iaitu apabila hanya hasil terjemahan yang sama diberi. Dalam keadaan ini, hanya tiga teks diambil. Contohnya pada idiom *مَسَقَطُ رَأْسِهِ*, hanya tiga teks

diambil (28a - 28c) kerana kesemuanya diterjemahkan dengan baik oleh GT dengan perkataan yang sinonim dengan terjemahan KFIADÉ, iaitu *kampung halaman*. Sebaliknya, idiom الْقَاصِي وَالْدَّانِي, lima teks (22a – 22e) diambil daripada 39 teks kerana terdapat empat terjemahan yang berbeza. Teks 22a terjemahan idiom ini digugurkan, teks 22b diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia (*distal dan proksim*) dan dua teks 22c dan 22d diterjemahkan dengan terjemahan lain (*orang yang tertekan dan musuh, masa lalu saya dan ayah saya*). Sementara itu, teks 22e ditukarkan kepada bentuk peminjaman dengan mengekalkan bunyi idiom dalam bahasa Arab (*al-Qa'isi dan al-Danni*). Kepelbagaian terjemahan inilah yang akan dianalisis untuk memahami cara GT menterjemahkan idiom Arab-Melayu.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

PENTERJEMAHAN UNGKAPAN IDIOM ARAB-MELAYU ANTARA GT DENGAN KFIADÉ

Setelah semua 105 teks daripada AC yang mengandungi idiom diterjemahkan melalui GT dan dianalisis secara teliti, hanya terjemahan yang mempunyai persamaan makna dengan KFIADÉ diambil kira. Ia terdiri daripada terjemahan yang tepat atau terjemahan dengan makna yang sinonim. Daripada tujuh kaedah penterjemahan metafora oleh Newmark, hanya empat strategi berjaya dikesan dalam penterjemahan KFIADÉ dan GT, iaitu i) kaedah satu, menghasilkan semula imej yang sama ke dalam bahasa sasaran; ii) kaedah dua, menggantikan idiom dengan bentuk idiom yang lain; iii) kaedah tiga, menterjemahkan idiom dengan perbandingan (*simile*); dan iv) kaedah lima, menukar idiom kepada pengertian.

Berdasarkan kaedah ini, aspek pertama yang dilihat ialah terjemahan idiom oleh GT di luar teks berbanding dengan terjemahannya dalam konteks ayat. Hal ini sebagaimana dalam kajian lepas, antara kesilapan utama yang berlaku dalam terjemahan GT dalam pelbagai genre teks ialah pada terjemahan yang tidak mengikut konteks ayat (Barragán, 2017; Adam & Rudi, 2016; Vidhayasai, Keyuravong, & Bunsom, 2015). Jenis terjemahan GT yang diperoleh dalam analisis ini membuktikan bahawa GT menghasilkan kualiti terjemahan idiom yang lebih rendah apabila diterjemahkan bersendirian. Jadual 1 di bawah menunjukkan sembilan terjemahan dalam kategori tepat dan dua terjemahan dalam kategori terjemahan sinonim.

JADUAL 1. Terjemahan idiom oleh GT di luar konteks


	Terjemahan KFIADÉ	Terjemahan GT
Kategori Terjemahan Tepat		
1.	بقلم Ditulis oleh (ms259)	Oleh
2.	خطوة فخطوة Selangkah demi selangkah (ms65)	Langkah demi langkah
3.	شيئا فشيئا Dengan perlahan-lahan (ms146)	Sedikit demi sedikit
4.	في الهواء الطلق Dalam udara yang segar di luar rumah (ms170)	Luar
5.	في لمح البصر Cepat seperti kilat, dengan serta-merta (ms291)	Dalam sekejap, dalam masa yang singkat
6.	ماء الوجه Air muka, kemuliaan, hormat sendiri (ms313)	Air muka, muka air
7.	مسقط رأسه (سقط رأسه في) Dia dilahirkan di (ms121)	Kampung halamannya

- | | | |
|----|--|---|
| 8. | منذ نعومة أظفاره
Ketika usianya yang muda (ms330) | Dari usia yang sangat muda, sejak usia muda |
| 9. | وجها لوجه
Bertemu muka, secara sulit, secara bersendirian (ms362) | Bersemuka |

Kategori Terjemahan Sinonim

- | | | |
|----|---|-----------------------------------|
| 1. | بغض النظر عن
Kecuali, selain, tanpa menghiraukan (ms218) | Tidak kira apa, tanpa mengira |
| 2. | ليل ونهار
Siang dan malam (ms 295) | Malam dan siang, siang dan malam, |

Sebaliknya, apabila idiom yang sama diterjemahkan bersama keseluruhan teks, peningkatan yang agak ketara diperoleh iaitu 11 idiom (dalam 31 teks) diterjemahkan dengan tepat dan enam idiom (dalam 11 teks) diterjemahkan dengan terjemahan sinonim. Bilangannya mungkin tidak terlalu besar tetapi untuk melihat kesan yang lebih jelas, jumlah teks diambil kira, iaitu melibatkan 42 teks daripada 105 keseluruhan teks yang dianalisis. Peratusan terjemahan idiom oleh GT yang betul dalam konteks ayat secara keseluruhan meningkat sebanyak 8.6 peratus daripada 31.4 peratus jika diterjemahkan di luar konteks kepada 40 peratus apabila diterjemahkan bersama konteks ayat.



RAJAH 2. Terjemahan GT di luar dan dalam konteks

Ironinya, idiom yang sentiasa menjadi isu perbincangan hangat dalam kalangan penterjemah dan ahli akademik berjaya diterjemahkan dengan terjemahan perkataan sinonim, iaitu kategori terbesar dengan menggunakan kaedah penterjemahan idiom dengan pengertian. Pendekatan ini turut digunakan oleh KFIADe dalam terjemahan kamus idiomatik sebagai jalan selamat memindahkan makna idiom daripada teks sumber kepada teks sasaran (Goh & Boh, 2014) dan ia merupakan strategi yang paling kerap digunakan untuk menterjemahkan idiom (Noor Eliza Abdul Rahman & Zulazhan Ab. Halim, 2016) kerana fungsi makna lebih diutamakan. Penterjemah boleh menggunakan strategi ini yang merupakan kaedah kelima dalam kaedah penterjemahan metafora oleh Newmark iaitu menukar idiom kepada pengertian.

Idiom seperti *بِعِضِّ النَّظْرِ عَنْ* yang mempunyai teks terbanyak dalam AC iaitu 1070 teks, telah diterjemahkan dengan baik iaitu *tidak kira/tanpa mengira* (6a - 6c) berbanding dengan terjemahan KFIADe iaitu *kecuali, selain, tanpa menghiraukan*. Walaupun terjemahannya jauh berbeza, tetapi ia merupakan terjemahan yang memberikan makna yang serupa.

Contoh-contoh lain adalah seperti *فِي لَمَحِ الْبَصْرِ* (21a - 21c) *cepat seperti kilat, dengan serta-merta* diterjemahkan *dalam sekelip mata*, *مَسْقَطُ رَأْسِهِ* (28a - 28c) *dia dilahirkan di* diterjemahkan *kampung halamannya*, dan *وَجْهًا لَوْجِهِ* (32a - 32d) *bertemu muka, secara sulit*,

secara bersendirian diterjemahkan *berdepan*, *secara bersemuka* dan *menghadapi*. Aspek persamaan dalam terjemahan idiom menggunakan perkataan yang sinonim ini merupakan bilangan terbanyak bagi terjemahan GT yang boleh diterima, iaitu 33 teks.

Kemampuan GT memberikan makna yang sinonim kepada idiom Arab dalam bahasa Melayu atau menggunakan kaedah menterjemah dengan menukar kepada pengertian membolehkan 42 teks daripada keseluruhan 105 teks atau 40 peratus terjemahannya dapat diterima berbanding dengan terjemahan kamus. Hal ini terjadi kerana aspek makna ini lebih diutamakan oleh GT tanpa terikat dengan jenis idiom yang sama dalam teks sumber serta mengelakkan daripada terlalu bergantung dengan terjemahan harfiah, iaitu sama dengan pendekatan yang digunakan oleh KFIADÉ.

Seperkara lagi, GT tidak mengambil kira perkaitan antara terjemahan di luar konteks dan dalam konteks bagi setiap idiom kerana terdapat idiom yang diterjemahkan dengan salah di luar konteks tetapi betul terjemahan idiomnya dalam empat teks. Pada peringkat frasa ini, GT menerapkan kaedah satu Newmark dalam menterjemahkan idiom dengan menghasilkan semula imej yang sama ke dalam bahasa sasaran. Namun, natijah yang berbeza diperoleh apabila idiom *ماء الوُجْهِ* yang asalnya diterjemahkan *maruah*, *kemuliaan*, *kehormatan* dengan terjemahan yang tepat tetapi diterjemahkan *muka* dalam terjemahan teks 27b dan 27c. Maksudnya GT telah menggugurkan perkataan *air* yang pada asalnya terdapat dalam data terjemahannya yang menjadikan terjemahannya tidak diterima.

Teks 27a bagi idiom yang sama pula walaupun terjemahan GT di luar konteks adalah tepat, tetapi idiom ini tidak diterjemahkan langsung dalam terjemahan teksnya. Terjemahan GT bagi teks *لا بديل لمنتخب اليمن عن الفوز لحفظ ماء الوُجْهِ أمام جماهيره* ialah *Tidak ada pengganti pasukan Yemen untuk kemenangan besar di hadapan peminat mereka*. Keadaan ini menyebabkan teks ini telah kehilangan aspek idiomatikanya. Terjemahan yang sepatutnya dibuat ialah *Tidak ada pilihan lain bagi pasukan Yemen selain mendapat kemenangan untuk menjaga air muka di hadapan penyokong mereka*, iaitu dengan mengekalkan terjemahan idiom tersebut.

Hal yang sama dapat dilihat pada idiom *في الهواء الطلق* dalam teks 20a yang diterjemahkan oleh GT sebagai *luar*, iaitu terjemahan yang sama makna oleh KFIADÉ *dalam udara segar di luar rumah*. Namun, GT telah menterjemahkannya secara literal kepada *di udara terbuka*, menjadikan terjemahan ini hilang maksud asalnya. Hanya empat teks bagi dua idiom di atas dapat dikelaskan dalam kategori ini. Bilangan yang kecil dalam kategori ini menunjukkan bahawa GT lebih efisien dalam menterjemahkan idiom bersama teks keseluruhan berbanding terjemahannya secara bersendirian.

Demikian juga sebaliknya dengan statistik yang lebih besar terdapat 12 teks yang pada asalnya diterjemahkan dengan salah di luar konteks tetapi betul terjemahan idiomnya apabila diterjemahkan dalam teks. Contohnya, *على الأبواب* pada teks 17a diterjemahkan secara literal *di atas pintu* oleh GT tetapi diterjemahkan dengan tepat apabila berada dalam konteks ayat iaitu *sudah hampir* sebagaimana dalam KFIADÉ.

Hal yang sama didapati pada idiom *لا غُبارَ عَلَيْهِ* yang pada asalnya diterjemahkan *ia tidak berdebu*, iaitu terjemahan yang literal dan jauh berbeza daripada terjemahan KFIADÉ iaitu *jelas, terang, tiada cacat celanya*, tetapi dalam teks 24a dan 24b, GT menterjemahkannya *tidak boleh dinafikan/tidak dapat dinafikan* iaitu terjemahan yang sinonim dengan makna idiom dan boleh diterima pada konteks ayat. Contoh teks 24b *كان هناك مشروع لبناني لا غُبارَ عَلَيْهِ* diterjemahkan menjadi *Terdapat projek Lebanon yang tidak dapat dinafikan*. Kesemuanya menggunakan kaedah lima Newmark dalam penterjemahan idiom iaitu menukar idiom kepada pengertian yang merupakan kaedah terbesar digunakan oleh KFIADÉ dan GT.

Apa yang diperhatikan ialah, kombinasi antara ungkapan idiom dan perkataan-perkataan lain dalam teks lebih mempengaruhi terjemahan idiom tersebut. Perkara ini disebabkan oleh

keupayaan GT sebagai mesin penterjemah menganalisis keseluruhan teks dan mencadangkan terjemahan yang lebih baik bagi idiom tersebut.

Demikian juga perbandingan telah menemukan titik persamaan dan perbezaan pada kaedah penterjemahan idiom Arab-Melayu oleh KFIADÉ dan GT. KFIADÉ menggunakan kesemua empat kaedah penterjemahan tersebut dalam menterjemahkan 35 idiom manakala GT hanya menggunakan tiga kaedah penterjemahan tanpa menggunakan kaedah ketiga, iaitu “menterjemahkan idiom dengan perbandingan (simile)”. KFIADÉ dan GT masing-masing banyak menggunakan kaedah kelima, iaitu “menukar idiom kepada pengertian” atau turut dikenali dengan kaedah “menukar peribahasa menjadi bukan peribahasa”. Kaedah kedua terbanyak yang digunakan oleh KFIADÉ dan GT ialah kaedah pertama, iaitu “menghasilkan semula imej yang sama dalam bahasa sasaran” atau “peribahasa menjadi peribahasa”.

KFIADÉ juga mempunyai kelebihan ketara apabila menggunakan kaedah fleksi, iaitu lebih satu kaedah untuk menterjemahkan idiom pada enam idiom sedangkan kaedah ini tidak digunakan oleh GT sebagaimana ditunjukkan oleh Jadual 2 di bawah. Di sinilah perbezaan utama yang dapat dilihat antara penterjemah manusia dengan mesin penterjemah melainkan jika data terjemahan idiom pada GT ditingkatkan agar lebih berkeupayaan untuk membuat pilihan terjemahan.

JADUAL 2. Terjemahan idiom dalam KFIADÉ menggunakan lebih satu kaedah.

Ungkapan idiom	Terjemahan KFIADÉ	Kaedah
ماءُ الوَجْهِ	air muka kemuliaan, hormat kendiri	Satu - Imej sama Lima - Pengertian
فِي لَمْحِ البَصْرِ	cepat seperti kilat dengan serta-merta	Tiga - Simile Lima - Pengertian
وَجْهًا لَوْجِهِ	bertemu muka secara sulit, secara bersendirian	Dua - Idiom lain Lima - Pengertian
حَظَرَ بِتَالِهِ	terlintas pada akal teringat kembali	Satu - Imej sama Lima - Pengertian
يَدًا بِيَدٍ	dari tangan ke tangan sendiri, secara peribadi	Satu - Imej sama Lima - Pengertian
يَدُهُ طَوِيلَةٌ	dia panjang tangan seorang pencuri	Satu - Imej sama Lima - Pengertian

Kesimpulannya, kedua-dua GT dan KFIADÉ menggunakan kaedah “menukar idiom kepada pengertian” atau “menukar peribahasa menjadi bukan peribahasa” sebagai kaedah terbanyak. Bentuk asal idiom tidak dikekalkan sebaliknya ditukar kepada pengertian agar mudah difahami dalam bahasa sasaran. Sebab lain ialah idiom yang sama adakala tidak terdapat dalam kedua-dua bahasa. Jika ada, kaedah “menggantikan idiom dengan bentuk idiom yang lain” atau “peribahasa menjadi peribahasa” boleh digunakan.

Sementara itu, GT juga dikesan pada satu idiom فِي لَمْحِ البَصْرِ mampu menterjemahkannya dengan idiom yang lain. Kaedah ini kelihatan terpencil pada satu terjemahan idiom sahaja tetapi ia memberi indikasi positif bahawa jika terdapat terjemahan yang baik dalam pangkalan datanya, GT berkemampuan untuk mengesannya dan memberikan terjemahan sebegini seperti pada ketiga-tiga teks 21a - 21c. Kemampuan ini setanding dengan kamus idiom KFIADÉ yang menggunakan kaedah yang sama namun pada bilangan yang terhad juga, iaitu satu idiom جَزَى عَلَى كُلِّ لِسَانٍ. Kaedah ini kurang digunakan kecuali jika terdapat persamaan antara kedua-dua pasangan bahasa lebih-lebih lagi jika terdapat jurang yang besar dalam kedua-dua kebudayaan.

TEKNIK PENTERJEMAHAN IDIOM ARAB-MELAYU MENGGUNAKAN *GOOGLE TRANSLATE*

Bagi objektif kedua kajian ini, iaitu merumuskan teknik terbaik penterjemahan idiom Arab-Melayu menggunakan *Google Translate*, kajian ini juga telah menemukan beberapa langkah yang perlu diambil oleh pengguna GT apabila menterjemahkan idiom Arab ke dalam bahasa Melayu untuk mengoptimimumkan keberkesannya. Langkah-langkah tersebut ialah:

- a) Menterjemahkan idiom tanpa teks.
Pengguna dinasihatkan untuk terlebih dahulu menterjemahkan idiom di luar konteks atau tanpa keseluruhan ayat. Berdasarkan dapatan awal, GT akan memberikan terjemahan berdasarkan data terjemahan yang tersedia. Terdapat kemungkinan terjemahan yang tepat diperoleh atau sebaliknya.
- b) Mengklik atas hasil terjemahan Melayu untuk melihat pilihan terjemahan lain dalam data GT.
Langkah seterusnya ialah dengan melihat pilihan terjemahan lain sekiranya ada, dengan meletakkan kursor di atas terjemahan bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran. Kemungkinan yang ada adalah terdapat pilihan yang lebih baik sebagaimana didapati pada kajian ini pada terjemahan di luar konteks yang ditingkatkan kepada 8.6% apabila tiga idiom didapati mempunyai terjemahan yang lebih baik.
- c) Menterjemahkan idiom bersama teks keseluruhan.
Berikutnya, pengguna hendaklah menyalin idiom bersama keseluruhan ayat untuk diterjemahkan sekali lagi. Di sini, GT mungkin memberikan terjemahan yang sama dengan terjemahan asal di luar teks atau memberikan terjemahan yang lebih baik atau sebaliknya.
- d) Mengklik atas hasil terjemahan Melayu untuk melihat pilihan terjemahan lain dalam data GT.
Sekali lagi, proses yang sama perlu dilakukan dengan meletakkan kursor di atas terjemahan ayat tersebut dan seperti pada peringkat pertama di atas, terdapat kemungkinan untuk mendapat terjemahan yang sama, lebih baik atau kurang baik. Pada peringkat ini barulah pengguna boleh membuat keputusan untuk menerima atau menolak terjemahan yang dihasilkan oleh GT.
- e) Menterjemahkan idiom yang sama dalam ayat berbeza secara berasingan.
Jika pengguna ingin meneruskan terjemahan idiom lain, semua langkah di atas perlu diulang semula kerana GT didapati memberikan terjemahan berbeza bagi ayat yang berbeza walaupun bagi idiom yang sama. Pengguna tidak boleh membuat andaian bahawa idiom yang sama akan diterjemahkan dengan cara yang sama kerana GT mengambil kira gabungan perkataan dan struktur ayat yang berlainan yang dimasukkan.
- f) Memasukkan pembetulan terjemahan.
Pengguna juga boleh memainkan peranan dengan menyumbangkan sebarang terjemahan baharu dengan memasukkannya dengan menekan butang *Improve This Translation* di bawah pilihan terjemahan yang diberikan. Dengan cara ini, input yang diberikan akan diambil oleh GT yang menggunakan sistem statistik untuk dianalisis dan digunakan dalam terjemahan akan datang. Sebab itulah GT menjadi peneraju mesin penterjemah terkemuka berbanding MT lain kerana kualitinya sentiasa ditingkatkan dengan mengambil manfaat daripada penggunaannya yang tinggi di seluruh dunia akibat popularitinya. Maklumat ini akan disemak oleh pasukan GT dan satu kenyataan ditulis, iaitu “*Your contribution will be used to improve translation quality and may be shown (without identifying you) to other users*”.
- g) Membuat rujukan silang dengan terjemahan dalam pasangan bahasa Arab-Inggeris.

Teknik terakhir yang dicadangkan kepada pengguna GT ialah dengan membuat semakan dengan menukar pasangan bahasa kepada bahasa Arab-Inggeris yang lebih besar data terjemahan serta bilangan penggunaanya selepas pasangan Inggeris-Sepanyol, di samping bahasa Rusia, Portugis dan Indonesia. Dengan cara ini, pengguna boleh membuat keputusan untuk menerima atau menolak terjemahan GT

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, objektif pertama kajian telah terjawab apabila dapatan kajian menghuraikan secara rinci dua bentuk utama terjemahan GT yang mewakili terjemahan mesin berbanding dengan terjemahan KFIADÉ yang mewakili terjemahan kamus. Bentuk yang pertama diperoleh dengan membuat perbandingan terjemahan idiom di luar konteks dan dalam konteks ayat. GT didapati menghasilkan terjemahan yang berbeza bagi setiap idiom apabila diterjemahkan bersendirian atau di luar konteks ayat berbanding dengan terjemahannya dalam ayat lengkap. GT mempunyai data terjemahan idiom Arab-Melayu yang lebih baik apabila diterjemahkan mengikut konteks ayat. Perbezaan secara keseluruhan agak ketara, iaitu sebanyak 8.6 peratus dengan peningkatan nisbah kebolegunaan daripada 31.4 peratus di luar konteks kepada 40 peratus dalam konteks.

Analisis juga meneliti persamaan dan perbezaan hasil penterjemahan ungkapan idiom Arab-Melayu antara GT dengan KFIADÉ menurut kaedah penterjemahan idiom. Analisis yang lebih mendalam mendapati 42 teks mempunyai dua ciri persamaan, iaitu “perkataan yang sinonim” sebanyak 33 teks atau 31.4 peratus dan “padanan tepat” sebanyak sembilan teks atau 8.57 peratus dan 63 teks mempunyai perbezaan dengan terjemahan KFIADÉ menyebabkan terjemahan GT tidak dapat diterima. Dapatan yang diperoleh ini menunjukkan bahawa tahap kebolegunaan terjemahan GT adalah sebanyak 40 peratus. Setelah pilihan terjemahan lain dipilih GT memilki satu kelebihan yang boleh dilihat pada kemampuannya menterjemahkan 18 idiom daripada 35 idiom dengan baik bersamaan dengan 51.4 peratus atau lebih separuh daripada jumlah keseluruhan idiom.

Sementara itu, objektif kajian yang kedua juga dicapai dengan mencadangkan tujuh teknik untuk memaksimumkan keberkesanan penggunaa GT dalam menterjemah idiom Arab ke dalam bahasa Melayu. Pengguna dinasihatkan untuk mengikut teknik-teknik tersebut mengikut urutan sebelum membuat keputusan untuk menerima atau menolak terjemahan yang diberikan oleh GT.

Seterusnya, sebagai sebuah mesin yang boleh diakses pada bila-bila masa selagi disambungkan kepada capaian internet, GT mempunyai kelebihan untuk menterjemah sebarang jenis idiom dalam sebarang teks berbanding dengan KFIADÉ yang hanya memberikan beberapa terjemahan yang sesuai dengan idiom tersebut. Sebagai kamus bercetak, KFIADÉ tidak memberikan contoh penggunaan idiom dalam teks sedangkan idiom boleh datang dalam sebarang bentuk teks termasuklah dalam penggunaan harian yang meluas. Kelebihan ini juga boleh meningkatkan lagi keupayaan GT lebih-lebih lagi jika pengguna menyumbang secara aktif kepada peningkatan kualiti terjemahan dengan membuat sumbangan terjemahan (*translation contribution*) kepada GT yang kemudiannya akan dinilai oleh pasukan pengurusan GT untuk dipertimbangkan dan dimasukkan ke dalam data terjemahannya.

Sebagai kesimpulan, dari segi kekuatan terjemahan GT berbanding dengan KFIADÉ, GT didapati mempunyai kemampuan menterjemahkan lebih separuh idiom dengan terjemahan perkataan yang sinonim dengan terjemahan KFIADÉ di samping menggunakan kaedah penterjemahan idiom kepada pengertian seperti kaedah yang digunakan oleh terjemahan kamus KFIADÉ. Malah, yang lebih menarik, GT mampu menukar idiom Arab kepada idiom Melayu, berupaya menilai teks idiom mengikut konteksnya tanpa terikat dengan makna asal idiom dan

mampu menterjemahkan sebarang idiom kebanyakan teks dalam penggunaan akhbar harian walaupun bilangannya amat terbatas.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Rahman. (2012). *Kamus Peribahasa*. Selangor: Pan Asia Publications Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2011). *Kamus Peribahasa Kontemporari, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Adam Ismail & Rudi Hartono. (2016). Errors made in Google Translate in the Indonesian to English translations of news item texts. *Journal of English Language Teaching. ELT FORUM*. 5(2), 1-6.
- Afandi Yusoff. (2019). Kamus al-Miftah dan terjemahan simpulan bahasa. Dlm. Idris Mansor (Pnyt.), *Isu-isu dalam Terjemahan Arab-Melayu* (hlm. 125-151). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aldaresh, A. Y. (2013). On idiomaticity in English and Arabic: a cross-linguistic study. *Journal of Language and Culture Review*.4(2), 23-29.
- Alhaisoni, E. & Alhaysony, M. (2017). An Investigation of Saudi EFL university students' attitudes towards the use of Google Translate. *International Journal of English Language Education*. 5(1), 72-82.
- Almeshrky, H. A. & Mohd Juzaidin Ab Aziz. (2012). Arabic Malay machine translation for a dialogue system. *Journal of Applied Sciences*, 12:1371-1377.
- Alrishan, A. & Smadi, O. (2015). Difficulties EFL Jordanian university students encounter in translating English idioms into Arabic. *Journal of Education and Practice*.6(10), 124-134.
- Al-Shawi, M. A. & Tengku Sepora Tengku Mahadi. (2012). Strategies for translating idioms from Arabic into English and vice versa. *AMARABAC, Journal of American Arabic Academy for Sciences and Technology*, 33(6), 139-147.
- Azhar Muhammad. (2008). *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azman Che Mat. (2019). Sumbangan terjemahan Arab-Melayu. Dlm. Idris Mansor (Pnyt.), *Isu-isu dalam Terjemahan Arab-Melayu* (hlm. 246-267). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, M. (1992). *In Other Words, a Coursebook on Translation*. London: Routledge.
- Barragán, A. M. (2017). Diakses pada 1 Julai 2019 dari <https://www.translationjournal.net/January-2017/translation-arabic-english-the-case-of-idioms.html>
- Bojović, B. (2014). Strategies of metaphor translation. *ELTA Journal*. 2(2), 74-81.
- Chakrawarti, R. K., Mishra, H., & Bansal, P. (2017). Review of machine translation techniques for idea of Hindi to English idiom translation. *International Journal of Computational Intelligence Research*. 13(5), 1059-1071.
- Chan Sin-wai. (2012). Translation technology: past, present and future. *LTTC International Conference*, 28-29 April 2012, Taipei.
- Chua Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Doronin, P. (2017). *Neural is the New Black*. Diakses pada 14 Jun 2019 dari <https://www.taus.net/blog/neural-is-the-new-black>.
- Farah Hanan Aminallah & Muhammad Fauzi Jumingan. (2012). Terjemahan kolokasi Arab-Melayu: suatu kajian terhadap GT. Prosiding *Nadwah Serantau Bahasa dan Kesusasteraan Arab Ke-3*, UPM, 3-4 Oktober 2012: 30-34.

- Farah Hanan Aminallah. (2013). *Penterjemahan Kolokasi Kata Kerja Berpreposisi Arab-Melayu Melalui Google Translate*. Tesis ijazah sarjana Universiti Putra Malaysia.
- Goh S. S. & Boh P. E. (2014). Analisis strategi penterjemahan Chengyu ke dalam bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 14(2), 75-91.
- Hawkes, T. (1972). *Metaphor*. New York: Methuen.
- Henisz-Dostert, B., Macdonal, R. R. & Zarechnak, M. (1979). *Machine Translation*. The Hague: Mouton Publishers.
- <http://googleresearch.blogspot.com/2006/04/statistical-machine-translation-live.html>. Diakses pada 14 Jun 2019.
- <http://www.arabicorpus.byu.edu>. Diakses pada 14 Jun 2019.
- <http://www.systransoft.com/download/press-releases/systran-pr-purely-neural-mt-engine-a-revolution-for-the-machine-translation-market-2016-08-30.pdf>. Diakses pada 14 Jun 2019.
- <https://appadvice.com/app/translator-for-arabic-yandex-bing-google/1217384296>. Diakses pada 1 Julai 2019.
- <https://translate.google.com/>. Diakses pada 14 Jun 2019.
- <https://www.blog.google/products/translate/ten-years-of-google-translate/>. Diakses pada 12 Julai 2018.
- <https://www.google.com/intl/en/about/products/>. Diakses pada 14 Jun 2019.
- https://yandex.com/company/general_info/yandex_today. Diakses pada 14 Jun 2019.
- Hutchins, W. J. & Somers, H. L. (1992). *An Introduction to Machine Translation*. London: Academic Press.
- Idris Mansor. (2019). Senario terjemahan Arab-Melayu. Dlm. Idris Mansor (Pnyt.), *Isu-isu dalam Terjemahan Arab-Melayu* (hlm. 177-200). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jolley, J. R. & Maimone, L. (2015). Free online machine translation: use and perceptions by Spanish students and instructors. *Learn Language, Explore Cultures, Transform Lives*: 181-200.
- Kadhim, K. A., Habeeb, L. S., Ahmad Arifin Sapar, Zaharah Hussin & Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah. (2013). Anevaluation of online machine translation of Arabic into English news headlines: implications on students' learning purposes. *TOJET - The Turkish Online Journal of Educational Technology*. 12(2), 39-50.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan Cetakan Ketiga (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 35(2), 101-108.
- Khoong, E. C., Steinbrook, E., Brown, C. & Fernandez, A. (2019). Assessing the use of Google Translate for Spanish and Chinese translations of emergency department discharge instructions. *JAMA Internal Medicine*. 179, 580-582.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-Based Translation: A Guide to Cross Language Equivalent*. Lanham: University Press of America.
- Lubna Abd Rahman & Arnida A Bakar. (2018). Terjemahan teks melalui Google Translate (GT): analisis tugas pelajar FPBU. *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa 2018*: 74-82.
- Mohamad Nor Amin Samsun Baharun & Naimah Abdullah. (2011). Kesilapan terjemahan bahasa Arab - bahasa Melayu dalam ejen carian Google: satu kajian semantik. Kertas kerja dalam *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa*. Julai 2011.
- Mohd Bakri Aziz@Saari. (2019). Kamus besar Arab-Melayu Dewan dan terjemahan puisi. Dlm. Idris Mansor (Pnyt.), *Isu-isu dalam Terjemahan Arab-Melayu* (hlm. 152-176). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Arsyad Abdul Majid & Ghazali Yusri Abdul Rahman. (2009). Perbandingan penggunaan simbol anggota badan dalam ungkapan idiom Arab dan Melayu: implikasinya kepada amalan penterjemahan. Dlm. Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (Pnyt.), *Kelestarian Bidang Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis, Sabariah Abdullah, Roshidah Abdul Salam & Nurul Hudaa Hasaan. (2007). *Frasa Idiomatik Arab dan Ertinya*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Muhammad Zaidi Zakaria & Mohd Sollah Mohamed. (2015). Fenomena antara idiom dan kolokasi: satu analisis terjemahan struktur dan makna. *Jurnal Linguistik*, 19(2), 11-23.
- Nalluri, A. & V. Kommaluri. (2011). *Statistical Machine Translation Using Joshua: An Approach to Build Entel System*. Diakses pada 20 Jun 2016 dari <http://www.languageinindia.com/may2011/anitha.pdf>.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. London: Prentice Hall.
- Newmark, P. (1992). Pendekatan Penterjemahan, Zainab Ahmad & Zaiton Ab. Rahman (Penterjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E. A. & Taber, C. (1969). *The Theory and Practice of Translation*. Lieden: Brill.
- Noor Eliza Abdul Rahman & Zulazhan Ab. Halim. (2016). Penterjemahan bahasa kiasan dalam sari kata drama Arab Flag of Truth. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 106-118.
- Nurul Syafiqah Daud & Wan Rose Eliza Abdul Rahman. (2018). Isu-isu penggunaan Google Translate dalam penterjemahan cerpen The Lottery ke dalam bahasa MELAYU. Prosiding *Seminar Terjemahan dan Interpretasi Antarabangsa 2018*: 66-73.
- Och, F. J. (2006). Statistical machine translation: foundations and recent advances. *The Tenth Machine Translation Summit*, Phuket, Thailand. 12.9.2005 Diakses pada 19 Disember 2019 dari <http://www.mt-archive.info/MTS-2005-Och.pdf>.
- Oliynyk, T. (2014). Metaphor translation methods. *International Journal of Applied Science and Technology*. 4(1), 123-126.
- Papineni, K., Salim, R., Todd, W., Wei-Jing, Z. (2002). Bleu: a method for automatic evaluation of machine translation. Proceedings of the 40th Annual Meeting on Association for Computational Linguistics.
- Patil, S. & Davies, P. (2014). Use of Google Translate in medical communication: evaluation of accuracy. *BMJ* 2014: 1-3.
- Quah, C. K. (1999). Issues in the translation of English affixes into Malay. *Meta: Translator's Journal*, 44: 604-616.
- Quoc, V. L. & Schuster, M. (2016). *A Neural Network for Machine Translation, at Production Scale*. Diakses pada 14 Jun 2019 dari <https://research.googleblog.com/2016/09/a-neural-network-for-machine.html?m=1>.
- Ryding, K. C. (2005). *A Reference Grammar of Modern Standard Arabic*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shankland, S. (2013). *Google Translate now serves 200 million people daily*. Diakses pada 20 Januari 2015 dari <http://www.cnet.com/news/google-translate-now-serves-200-million-people-daily/>, May 2013.
- Sieny, M. E., Hussein, M. A. & al-Doush, S. A. (1996). *Al-Mu'jam al-Siyaqi li al-Ta'birat al-Istilahiyah*. Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun
- Vidhayasai, T., Keyuravong, S. & Bunsom, T. (2015). Investigating the Use of Google Translate in "Terms and Conditions" in an Airline's Official Website: Errors and Implications. *PASAA* Vol. 49 January - June 2015: 137-166.

Wolverton, T. (2018). *The App Translates a Staggering 143 Billion Words Every Day*. Business Insider US. Diakses pada 30 Disember 2018 dari <https://www.businessinsider.my/sundar-pichai-google-translate-143-billion-words-daily-2018-7/?r=US&IR=T>.

Za'ba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN A

UNGKAPAN IDIOM DALAM ARABICORPUS

Bil.	Ungkapan idiom	Jumlah teks dalam ArabiCorpus	Teks terpilih dari ArabiCorpus	Kod
1.	أخذ بيده	19	1. يسهم بترقية المجتمع، والأخذ بيدهم إلى الأمام	1a
			2. وهل ستخسر الحكومة شيئاً لو أنها أقدمت على تشغيلهم والأخذ بيدهم نحو مستقبل يضمن لهم حياة كريمة؟	1b
			3. تعجبه لهذا الكم الهائل من المعاناة الإنسانية غير المرئية التي ستأخذه بيده إليها	1c
2.	اقترب ب	16	4. باحثاً على رزقه ورزق زوجته التي اقترب بها قبل أشهر قليلة	2a
			5. فإن محمد يوسف الذي اقترب بأربع زوجات (وانجب 12 ولدًا) كان أميناً لهذه القناعات	2b
			6. ثم عاد واقترب بابنة خالته	2c
3.	أكل عليه الدهر وشرب / أكل الدهر عليه وشرب	12	7. عندما تبحث فرق أندية المحترفين لكرة القدم، عن لاعب محترف <u>أكل عليه الدهر وشرب</u> ، فإنها تنتقص كثيراً من شأنها	3a
			8. حان وقت أن نفحص من جديد عن المفاهيم التي <u>أكل الدهر عليها وشرب</u> منذ زمن	3b
			9. النظام الوظيفي الحالي <u>أكل الدهر عليه وشرب</u> . صلاحيته انتهت	3c
			10. ولكن يبدو أن القيم تلك <u>أكل الدهر عليها وشرب</u> ولم يعد لها أي اعتبار عند من يمارس هذا الدور	3d
			11. أنظروا إلى مواد أقسام الحاسوب في جامعاتنا، على سبيل المثال، فكلها تدرس لغات برمجة <u>أكل الدهر عليها وشرب</u>	3e
4.	إلى ما شاء الله	20	12. بل بمثابة الإعلان عن نية أميركا في البقاء في العراق <u>إلى ما شاء الله</u>	4a
			13. والدول الآسيوية المصدرة للصناعات سوف تستمر في تحقيق فوائض ضخمة <u>إلى ما شاء الله</u>	4b
			14. وإذا منعت حماس الانتخابات في غزة بالقوة فلتبق هناك <u>إلى ما شاء الله</u>	4c
			15. اللوم <u>أولاً وأخيراً</u> يقع على النظام الرسمي العربي الذي ترك غزة تواجه هذا المصير	5a
5.	أولاً وأخيراً	116	16. ندعو الله، <u>أولاً وأخيراً</u> ، ان يجنبنا غضب الطبيعة	5b
			17. حقوق الإنسان " <u>أولاً وأخيراً</u> ، هي القضية التي يجب أن تتصدر أولويات أجندتنا	5c
			18. تحتاج الولايات المتحدة والغرب أن يتذكروا أنه <u>بغض النظر عن</u> فترة بقاء قواتها في أفغانستان، فإنها ستترك سابقاً أو لاحقاً	6a
6.	بغض النظر عن	1070	19. ويمتدح أحد بنود ذلك الإعلان الناس في شتى أنحاء العالم الحق في تلقي ونشر أي معلومات عبر أي وسيلة إعلامية <u>وبغض النظر عن</u> الحدود	6b
			20. ويتضح هذا الارتباط <u>بغض النظر عن</u> وزن الطفل	6c
			21. وأفردت له مجلة ثقافية شهرية رصينة كالعربي الكويتية افتتاحيتها <u>بقلم</u> رئيس تحريرها	7a
7.	بقلم	52	22. وتقول الصحيفة تحت عنوان "الجيش حائر بين الشعب والرئيس والولايات المتحدة" <u>بقلم</u> رولا خلف ودانييل دومي	7b
			23. وقام المعهد العالمي للمسرح فرع الأردن بترجمة كلمة هذا العام <u>بقلم</u> جيسكا كاهوا مخرجة وممثلة من اوغندا بعنوان "المسرح قضية في خدمة الإنسانية" إلى اللغة	7c

8.	بين يديه	101	24.	ولهذا فإنه ينهي جميع الملفات التي بين يديه قبل خروجه الكلي للتقاعد	8a
			25.	اجعل بين يديه معجونة أو كرة الضغط أو بالوناً خاصاً للكلم لضربه عندما يشعر بزيادة الطاقة لديه	8b
			26.	وما يزعج الملك ان يجلس الكبار، او ممثلو الناس، بين يديه يطلقون المديح والشعر والمجاملات	8c
9.	جری علی کل لسان	1	27.	اسمه <u>يجري على كل لسان</u>	9a
10.	حب الذات	9	28.	البعض يرى في <u>حب الذات</u> والحرص عليها ضرباً من الأنانية تجعل محب ذاته شخصاً غير مقبول لدى المجموع	10a
			29.	ولعل <u>حب الذات</u> هو أكثر أشكال الحب عرضة للرفض والإنكار	10b
			30.	وترجع علة داء الحسد إلى الإفراط في الأنانية و <u>حب الذات</u> مع ضعف في الإيمان بكمال حكمة الله تعالى	10c
11.	خطر بباله	16	31.	لم يخطر بباله ماذا دار في رأس المرأة	11a
			32.	<u>خطر بباله</u> أن ينسخ الأغنية عشرات المرات على أسطوانة واحدة	11b
			33.	في الصباح <u>خطر بباله</u> أن يهدبها	11c
12.	خطوة فخطوة	1	34.	بدمهم يكتب على طريق النصر، <u>خطوة فخطوة</u> ، تاريخ الشعب، يرفضون موت القدر	12a
13.	دعا على	2	35.	والتقى محمود ادهم في بورتلاند في تموز/يوليو الماضي وابلغه انه <u>دعا على</u> احد المواقع الجهادية على الانترنت "جهاد ريكوليكشن"، المسلمين الى العنف ضد غير المسلمين	13a
			36.	ويقول إنه ظل دائما يدعو على مبارك "اللهم أزل دولته، وأبدلنا خيراً منه"	13b
14.	شيئاً فشيئاً	140	37.	<u>شيئاً فشيئاً</u> بدأ المنتخب الوطني يتوغل الى نصف الملعب الياباني	14a
			38.	واغلقت السلطات باب الصرح قبل ان يتفرق المتظاهرون <u>شيئاً فشيئاً</u>	14b
			39.	والراهن ان بوش بدأ يفقد هيئته شيئاً فشيئاً	14c
15.	صفر البيدين	5	40.	ولكن هذا لا يجعلنا نرفع راية الاستسلام مبكراً لمغادرة البطولة <u>صفر البيدين</u>	15a
			41.	العام في أنقرة، لا يمكن أن يذهب إلى هذه القمة <u>صفر البيدين</u>	15b
			42.	وخرج الفلسطينيون <u>صفر البيدين</u> ... وما زالوا كذلك حتى اليوم	15c
16.	ضاق صدره	3	43.	ولكنه <u>ضاق صدره</u> بالتحدي الداخلي الذي يصل الى حد الفتنة	16a
			44.	ولطالما <u>ضاق صدره</u> بالدخان المنبعث من مؤخرات الحافلات التي وعد وزير البيئة أن يخلصه من آفاتها السامة، وما انفك ينتظر	16b
			45.	لأنه ينبع من رأي أكاديمية <u>ضاق صدرها</u> بممارسات حكومة للإنسانية وحمقاء تعتقد أن سجن معتقلين وحجب الهواء عنهم سيوقف المقاومة	16c
17.	على الأبواب	56	46.	فشعر أن خبرته اكتملت، وكانت انتخابات العام <u>1993 على الأبواب</u>	17a
			47.	وموعده انطلاق العام الدراسي الجديد <u>على الأبواب</u>	17b
			48.	وتدل المؤشرات ان فصلاً ثانياً من هندسة الفوضى بات <u>على الأبواب</u> إذ لم تكن المنطقة قد دخلته بالفعل	17c

18.	على حسابه	2607	49. انفاق حربي متزايد من خزينة الدولة <u>على حساب</u> نفقات التعليم والصحة	18a
			50. كل منهما يشير الى خطوة قادمة ستحمل خيرا سعيدا لطرف <u>على حساب</u> الطرف الآخر.	18b
			51. وتوضح، أن الكفيف يشتري مستلزماته <u>على حسابه</u> الشخصي	18c
			52. لا نريد أن تكون فاتورة وضعف أداء المسؤولين <u>على حساب</u> الدولة والمؤسسات المفصلية	18d
			53. وهناك ما يسمى بصندوق الدعوة الذي يعين <u>على حسابه</u> خطباء وأئمة براتب متواضع وصل بعد التحسينات الى "100" دينار	18e
19.	على مدار الساعة	203	54. أعمل <u>على مدار الساعة</u> لا أنام سوى ساعات قليلة	19a
			55. ونحن نشهد في هذه الأيام، <u>وعلى مدار الساعة</u> ، حملة "تشكيك أخذت لها جوقه" متعددة الأطراف والمنابر	19b
			56. ودعا محمود الى تكثيف المراقبة <u>على مدار الساعة</u> ، على اصحاب الابار والصهاريج	19c
20.	في الهواء الطلق	53	57. وأوضح أن عملية التعلم يمكن أن تتم في المنزل أو في <u>الهواء الطلق</u>	20a
			58. المشي في الهواء الطلق مع التنفس العميق	20b
			59. سيكون بمقدرة اللاعبين والاداريين والجماهير التمتع ببيئة باردة ومكيفة في <u>الهواء الطلق</u> لا تتجاوز درجة حرارتها 27 درجة مئوية	20c
21.	في لمح البصر	4	60. وإن كان هناك مرشح واحد قادر على تحقيق هذه الغاية، والإسهام في استرداد أميركا لسمعتها الدولية في <u>لمح البصر</u> ، فهو باراك أوباما	21a
			61. وتكريس مجالس نيابية بائسة، والتوترات الاجتماعية، على حساب سلطة القانون وهيبة الدولة، واحترام القيم المدنية وارث المؤسسات السياسية، التي بنيت خلال عقود بدماء وعرق الآباء، وتُحطَّم اليوم، في <u>لمح البصر</u>	21b
			62. كأن أهالي تلك القرية يريدون القول إننا نشعر في عمق أحاسيسنا معنى أن يفقد الناس طفلاً بريئاً في <u>لمح البصر</u>	21c
22.	القاصي والداني	39	63. فقصده مدينة الحسين الطبية <u>القاصي والداني</u> من أردنيين وغيرهم للعلاج في مراكزها	22a
			64. ويعرف ذلك <u>القاصي والداني</u>	22b
			65. وأضاف أن "الأردن رغم أنه يعيش في منطقة من أشد المناطق سخونة ودولها غير مستقرة، إلا أنه بنعم باستقرار فريد وهذا ما يشهده <u>القاصي والداني</u> والعدو والصديق في آن واحدة	22c
			66. الآن أنا معلم في مدرسة خاصة خارج الأردن وهو رجل أعمال كبير يعرفه <u>القاصي والداني</u>	22d
			67. في بلد يعلم <u>القاصي والداني</u> أنه واحة للأمن والاستقرار والعدالة واحترام حقوق الإنسان والحريات العامة في ظل قيادته الهاشمية الفذة	22e
23.	الكلمة العليا	18	68. ربما يحل أمير البلاد الشيخ صباح الذي له <u>الكلمة العليا</u> في الشؤون السياسية مجلس الأمة ويدعو لانتخابات عامة خلال شهرين	23a
			69. في الوقت الذي كان للإخوان المسلمين <u>الكلمة العليا</u> فيها، لم يتم منع الاختلاط	23b
			70. ما يهتمنا هو وضع الامور في سياق <u>الكلمة العليا</u> فيه للمصلحة العامة	23c
24.	لا غبار عليه	29	71. وهي أهداف <u>لا غبار عليها</u>	24a
			72. كان هناك مشروع لبناني <u>لا غبار عليها</u>	24b
			73. وهذا <u>لا غبار عليه</u> ما دام في مجال الإدراك والوعي المسبق	24c
			74. وهذا الموقف <u>لا غبار عليه</u> اطلاقا ويجب حمايته عربيا ودوليا	24d

25.	لسان حاله	121	75.	وهذا كان ايضا لسان حال المسؤولين الفلسطينيين في رام الله	25a
			76.	هذا هو لسان حال الجميع	25b
			77.	ولسان حالهم يقول ان الأردن يستحق ما هو أفضل	25c
26.	ليل نهار	87	78.	وكان حماس تشن الهجمات والغزوات على إسرائيل	26a
				ليل نهار من دون انقطاع	
			79.	نحن الوحيدون في الدنيا المطالبون ليل نهار أن نعتذر عن نجاحنا وأن نقدم تبريرات له، بعكس العالم كله	26b
			80.	والغريب ان الامانة التي تقول ليل نهار إنها حريصة على المواطنين ومصالحهم، لا تقوم بحل المشكلة على نحو جذري	26c
27.	ماء الوجه (أراق ماء وجهه)	80	81.	لا بديل لمنتخب اليمن عن الفوز لحفظ ماء الوجه أمام جماهيره	27a
			82.	لا يقبلون ان تستمر معادلة توزيع المكاسب من خلال اراقة ماء الوجه امام المسؤولين طمعا بمنصب او مال	27b
			83.	وفي النهاية ستنفذ هذا التهديد حتى لا تخسر ماء الوجه اذا استمرت ايران في التحدي	27c
28.	مسقط رأسه (سقط رأسه في)	3	84.	وأعادت له حقه في العودة مع أسرته إلى القدس والحياة في بيته بمسقط رأسه في حي سلوان	28a
			85.	من المؤكد أن التأميم يبدو مغرباً للزمرة القوية التي تشمل زملاء بوتن القدامى في وكالة الأمن الداخلي والاستخبارات ورفاقه من مسقط رأسه في سانت بيتسبرغ (KGB)	28b
			86.	خلال حديثه أمام جمهور من المناصرين المواليين له في ولاية باريناس وهي ولاية مسقط رأسه في فنزويلا	28c
29.	من المهد إلى اللحد	4	87.	والذي أمضى الحياة في عناء ومكابدة وهموم من المهد إلى اللحد	29a
			88.	اعتمدت دول مجلس التعاون الخليجي أسلوب الدولة الرعوية أو دولة الرعاية الكافلة للمواطن من المهد إلى اللحد اجتماعيا وصحيا وتعليميا	29b
			89.	لماذا تتحرك ولدينا قطاع خاص يقوم بالمهمة على أكمل وجه في مدارس يكلف الطالب فيها بسنة ما يكلفه الطالب الحكومي من المهد إلى اللحد؟	29c
30.	منذ نعومة أظفاره /أظفاره	27	90.	أتخيل ذلك الحلم الجميل الذي يراودني منذ نعومة أظفاري	30a
			91.	وتربوا عليه في بيوتهم ومضاربهم، وفي مدارسهم منذ نعومة أظفارهم	30b
			92.	منذ نعومة أظفاره عاش الملك الشاب حياته رياضيا بارزا	30c
			93.	تنشأ هذه الخطوط الحمراء مع الشخص وتنمو معه منذ نعومة أظفاره	30d
31.	ناطقون بالضاد	1	94.	الناطقون في الضاد في أميركا الشمالية والجنوبية	31a
32.	وجها لوجه	78	95.	نحن الآن وجها لوجه امام الحقيقة: لا سلام ولا تسوية ولا انتهاء للاحتلال	32a
			96.	وانا مستعد للجلوس مع اوباما وجها لوجه من رجل الى رجل	32b
			97.	ويعني ذلك رؤية الحقيقة وجها لوجه	32c
			98.	وهي الوجه الحقيقي للأردن عندما يكون وجهاً لوجه أمام التهديدات والتحديات	32d
33.	يدا بيد	49	99.	دخل الفريقان ارض الملعب يدا بيد يتقدمهم شعار اللعب النظيف	33a
			100.	يتم إبلاغ مضمون الرسالة للشخص هاتفياً أو يدا بيد	33b
			101.	وخلال تلك الفترة، سارت تلك الدولة يدا بيد مع السوق	33c
			102.	نعمل يدا بيد للحفاظ على وحدتنا الوطنية التي تساهم دائماً بالدفاع عن الأردن	33d

34.	يده طويلة (طويل اليد)	2	103. نقيب تجار المواد الغذائية ونقيب اصحاب المخازن يتفقان على ان الغلاء كبير ویده طويلة وتمس الفقراء	34a
			104. واحيانا يكون صاحب مال او شركة وهو مؤثر ویده طويلة، وأحياناً يجبر شخص او اشخاص مسار الدولة لمصالحهم واجنداتهم الخاصة	34b
35.	يصطاد في الماء العكر	1	105. وألا يترك فرصة لأحد كي يصطاد في الماء العكر	35a

PENULIS

Enid Zureen Zainal Abidin (Ph.D.) merupakan tenaga pengajar bahasa Arab dan terjemahan di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu khususnya dalam teknologi terjemahan.

Nik Farhan Mustapha (Ph.D.) merupakan pensyarah kanan bahasa Arab di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah dalam Psikolinguistik dengan gabungan kemahiran bahasa Arab dan psikologi, terutamanya kemahiran membaca.

Normaliza Abd. Rahim (Ph.D.) merupakan profesor di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang kepakarannya termasuk kajian wacana dan media serta teknologi.

Syed Nurulakla Syed Abdullah (Ph.D.), pensyarah kanan Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Pengkhususan beliau ialah dalam penterjemahan bahasa Arab-Melayu-Inggeris baik secara teoretikal mahupun amali.